

UNSUR ALAM DALAM *LOAGAN BUNUT* KARYA DAHIRI SAINI: SUATU KRITIKAN EKO

NURUL AINA BINTI IBRAHIM
Universiti Kebangsaan Malaysia
nurulainabrahim@gmail.com

MAS RYNNA WATI BINTI AHMAD*
Universiti Kebangsaan Malaysia
masryнна@ukm.edu.my

*Pengarang Perantara

ABSTRAK

Alam bukan sahaja boleh memberi kesejahteraan kepada jiwa namun boleh dimanfaatkan kepada penghasilan karya sastera. Perhubungan alam dan manusia yang erat sejak dahulu menyebabkan kebergantungan manusia terhadapnya hingga melahirkan budaya yang digalurkan bagi sesebuah kaum. Alam itu sendiri kaya dengan nilai estetikanya hingga memberi idea kepada pengarang untuk mendidik pembaca dengan menyuntik semangat cintakan alam menerusi karya sastera. Unsur alam terdiri daripada pelbagai aspek namun menerusi kajian ini akan menjurus kepada unsur alam flora, fauna, dan air (sungai). Kesemua unsur alam ini diteliti menerusi teks kajian iaitu *Loagan Bunut* hasil karya Dahiri Saini dengan pengaplikasian kritikan eko William Howarth (1996). Tujuan kajian ini dilakukan adalah untuk mengenal pasti unsur alam dalam teks kajian dan menganalisis serta mengaplikasikan kritikan eko William Howarth (1996) di dalam novel *Loagan Bunut*. Kajian ini akan menggunakan seluruh prinsip dalam kritikan eko William Howarth (1996) iaitu prinsip ekologi, etika, bahasa dan kritikan. Analisis kajian mendapati bahawa permasalahan alam sekitar dari sudut ekologinya terjadi kerana kealpaan manusia hingga menyebabkan sungai terjejas. Di samping itu, etika ekologi dangkal di dalam kajian ini akan dilihat dari sudut sikap manusia yang memusnahkan hutan Loagan Bunut. Manakala, etika ekologi mendalam pula memaparkan sikap pengarang yang ingin memotivasikan pembaca untuk memulihara alam sekitar. Akhir sekali, analisis kajian juga akan membincangkan pemilihan diksi burung membawa perlambangan bagi sesebuah kaum. Justeru, hal ini memperlihatkan fungsi alam itu sendiri adalah untuk memberi manfaat kepada manusia dan persekitarannya.

Kata kunci: ekologi; kritikan eko; Loagan Bunut; unsur alam; William Howarth

NATURAL ELEMENTS IN *LOAGAN BUNUT* BY DAHIRI SAINI: AN ECOCRITICISM

ABSTRACT

Nature provides the soul with a balanced well being, hence many literary works were produced to present such equilibrium. The correlation between human and nature had been seen as co-dependent. This could be proven in the practise by many cultures of the society. Nature is perceived to have high aesthetic values in which could teach the readers through the literary works. The focus of this paper is to look at the natural elements of flora, fauna, and water (river) found in the novel, *Loagan Bunut* (2018), by Dahir Saini. This study is to identify the elements of nature in the text and to analyze it through Howarth's (1996) perspectives on ecocriticism. The method used is entirely qualitative descriptive which is using the library method, and text analysis. This study will apply Howarth's eco principles which are the principles of ecology, ethics, language and criticism. The analysis of the study had found that the environmental problems occurred due to human's negligence, and had caused rivers to be severely affected. Besides that, this study will highlight the shallow attitudes by humans who became the culprit of Loagan Bunut's destruction. It could be said that, the writer had intentionally motivated his readers to maintain the sustainability of nature. Finally, the analysis of the study will also reveal bird as a diction that functions as a symbolism of a race. Hence, nature has its beneficial purposes towards humans and its environment.

Keywords: ecology; ecocriticism; Loagan Bunut; nature elements; William Howarth

PENGENALAN

Alam amat penting di dalam proses kehidupan sosial, budaya, beragama dan ekonomi (Mohd Rozaimi Hamat & Mohd Yuszaidy Mohd Yusoff, 2020). Alam itu sendiri merangkumi kepada tumbuh-tumbuhan, haiwan, sungai, laut, cakerawala misalnya bulan, bintang, matahari dan sebagainya yang juga turut mempunyai hubungan yang erat dengan kehidupan manusia. Alam ternyata dibahaskan lagi oleh sarjana tempatan iaitu dengan memberi pendefinisian alam sendiri. Alam mempunyai ciri kepada kesatuan kerana alam itu sendiri bersifat merangkumi, menggabungkan dan mengandungi unsur seperti langit, laut, yang saling bergantung antara satu sama lain. Justeru, perhubungan di antara alam dan manusia tidak dapat dipisahkan kerana terlibat dengan aktiviti harian manusia. Oleh yang demikian, bagi tujuan kajian, makalah ini akan memperlihatkan kepentingan alam dalam kehidupan manusia hingga menjadikan alam sebagai tema dan isu penting dalam sesebuah karya yang difokuskan.

Alam sering kali dikaitkan dengan kajian saintifik namun, alam itu sendiri termasuk kepada segala kehidupan di dunia ini termasuklah objek mati. Di samping itu, alam juga ditakrifkan sebagai alam jumentara yang merangkumi bintang-bintang, sistem suria, galaksi, udara, cakerawala atau angkasa (*Ensiklopedia Sains* 1979: 7). Selain itu, menerusi *Eksiklopedia Dunia* (2005: 259) menyatakan bahawa alam merupakan satu unit biologi yang paling besar kerana merangkumi kepada semua organisme hidup dalam satu alam. Perhubungan alam yang rapat dengan manusia sedikit sebanyak telah memberi pengaruh hingga melahirkan nilai-nilai estetik terhadap kehidupan manusia sekeliling. Hal ini secara tidak langsung telah memberi inspirasi kepada seniman atau pengarang untuk menggunakan idea mereka menerusi penggunaan alam.

Di samping itu, unsur alam dan sastera mempunyai hubungan erat serta saling melengkapi hingga boleh digambarkan menerusi penulisan. Misalnya menerusi novel, sajak, pantun, gurindam, sama ada sastera moden mahupun klasik telah digambarkan melalui unsur

alam. Penggunaan unsur alam di dalam sesebuah karya sebagai perlambangan adalah bersesuaian dalam menjadikan proses bahan kesusasteraan menjadi lebih berkualiti, realistik dan menarik untuk dipersembahkan kepada pembaca. Topik unsur alam ini semakin menarik dikupas kerana ada perkaitan antara manusia dan alam iaitu dalam konteks kajian kritikan sastera. Para pengkarya akan menggunakan unsur alam untuk menyampaikan maksud yang tersirat dan tersurat dengan lebih jelas. Hal ini kerana, penulis ingin menonjolkan keprihatinan mereka mengenai alam untuk kelangsungan kehidupan manusia pada masa akan datang (Geeta Sahu, 2014). Misalnya, apabila penulis menggunakan alam sebagai fokus dalam penulisan, mereka akan memberi pendedahan mengenai keburukan pengabaian untuk menjaga alam terutama flora dan fauna. Hal ini secara tidak langsung adalah untuk mengelakkan impak buruk seperti bencana alam melanda.

Rentetan itu, makalah ini akan menggunakan hasil karya Dahiri Saini kerana sarat dengan penggunaan unsur alam dalam setiap penulisannya. *Loagan Bunut* dipilih kerana sarat dengan unsur alam seperti flora, fauna, cakerawala yang sangat bersesuaian dengan kajian ini. Di samping itu, novel ini juga masih belum mendapat perhatian oleh mana-mana pengkaji tempatan walaupun pernah memenangi 'Hadiah Pertama Peraduan Menulis Sastera Kreatif 2009'. Secara ringkasnya, novel ini adalah mengenai penceritaan sebuah kehidupan masyarakat asal di kawasan Loagan Bunut, Sarawak yang mempertahankan tanah air mereka daripada terus dieksploitasi oleh orang luar. Justeru, novel ini sememangnya kaya dengan unsur alam dan bersesuaian digunakan dalam kajian dengan mengaplikasikan kritikan eko William Howarth (1996).

Kritikan eko William Howarth telah dipilih untuk menjadi tunjang kepada penelitian kajian ini. Kritikan eko ini telah dipecahkan kepada empat prinsip dan di antaranya adalah prinsip ekologi, etika, bahasa dan kritikan. Tegasnya, tujuan kajian ini adalah mengenal pasti unsur alam yang terdapat di dalam novel *Loagan Bunut* dan menganalisis unsur alam dengan pengaplikasian kritikan eko William Howarth (1996) dalam karya yang difokuskan dalam kajian. Selain itu, kajian ini juga akan menggunakan seluruh prinsip yang digariskan oleh William Howarth bagi melihat unsur alam yang terdapat dalam teks kajian.

ISU DAN PERMASALAHAN

Terdapat permasalahan dikenal pasti dalam mengendalikan kajian ini. Antaranya ialah terdapat kekurangan kajian yang memperincikan kepada unsur alam sebagai fokus kajian terutama daripada aspek genre sastera moden. Hal ini turut dinyatakan oleh Saberi Mohd & Mas Rynna Wati Ahmad (2019) menyatakan bahawa kritikan eko merupakan satu bidang baru dalam dunia kritikan sastera terutamanya dalam perkembangan kritikan sastera Melayu moden. Sehubungan itu, penelitian dan pengamatan telah dilaksanakan kerana adanya kelompangan mengenai tajuk kajian terutama dalam genre sastera moden khususnya novel. Berdasarkan novel pilihan, penelitian mengenai tajuk kajian iaitu unsur alam akan dilaksanakan dengan melihat bagaimana hubungan antara alam dengan persekitarannya. Persekitaran yang dimaksudkan adalah organisme lain seperti manusia, flora, fauna, cakerawala dan sebagainya. Perhubungan antara alam dan organisme lain yang akrab sememangnya bersesuaian untuk menggunakan kritikan eko sebagai landasan kajian. Sejak beberapa dekad ini, sebilangan pengkaji di Malaysia telah menfokuskan kepada unsur alam dalam aspek kajian seperti pantun, puisi melayu moden dan peribahasa. Misalnya, kajian daripada Russel Dundang Anak Jeffrey & Mary Fatimah Subet (2008) telah melaksanakan kajian mengenai unsur alam, namun diperincikan dalam konteks peribahasa. Seterusnya, kajian daripada Zurinah Hasan (2008) juga mengkaji mengenai isu alam namun difokuskan kepada puisi Melayu Moden. Kajian daripada Nor Ilani Awang Omar (2010) turut mengkaji unsur alam namun isu tersebut diperincikan dalam penggunaan pantun.

Oleh itu, dapat diperhatikan bahawa terdapat kelompangan kajian iaitu kekurangan penggunaan teks sastera moden dalam melibatkan kajian mengenai unsur alam. Maka, makalah ini secara tidak langsung akan mengisi kelompangan tersebut.

OBJEKTIF

Kajian yang dilaksanakan iaitu unsur alam dalam novel kajian adalah untuk mencapai objektif kajian tersebut:

- a) Mengenal pasti unsur alam yang terdapat dalam novel *Loagan Bunut* hasil karya Dahiri Saini.
- b) Menganalisis unsur alam dengan pengaplikasian kritikan eko William Howarth (1996) dalam karya yang difokuskan.

SKOP EKOKRITIKAN DAN BATASAN PERBINCANGAN

Penulisan ini dibatasi terhadap unsur alam yang terdapat di dalam novel *Loagan Bunut* hasil karya Dahiri Saini. *Loagan Bunut* merupakan keluaran Dewan Bahasa dan Pustaka dan diterbitkan pada tahun 2013, kemudian cetakan kedua pada tahun 2018. Kajian ini akan membataskan unsur alam flora, fauna dan air menerusi teks kajian yang bakal dibincangkan di bahagian analisis. Seterusnya, kajian ini turut membataskan kepada penggunaan kritikan eko yang dipelopori oleh William Howarth (1996) sebagai kerangka utama. Menerusi pendekatan yang dipilih, kesemua prinsip seperti prinsip ekologi, etika, bahasa dan kritikan akan diaplikasikan terhadap novel-novel kajian. Pemilihan kritikan eko William Howarth (1996) sebagai landasan kajian kerana pendekatan lebih bersesuaian dan lebih dekat dengan bahan rujukan dan teks kajian *Loagan Bunut* yang amat sarat dengan unsur alam.

Justifikasi pemilihan novel *Loagan Bunut* diambil kira daripada beberapa aspek. Antaranya adalah, novel *Loagan Bunut* masih belum dikaji oleh mana-mana pengkaji tempatan. Justeru, tiada lagi kajian yang mendasari bidang sastera terhadap novel tersebut. Novel *Loagan Bunut* telah memenangi 'Hadiah Pertama Peraduan Menulis Sastera Kreatif 2009' namun novel ini masih belum diberi perhatian oleh mana-mana pengkaji tempatan hingga kini. Setelah dilakukan pembacaan dan penelitian ternyata novel *Loagan Bunut* yang dipilih ini kaya dengan penggunaan unsur alam dan pembinaan teks misalnya daripada unsur alam, flora, fauna, cakerawala dan sebagainya. Oleh itu, sejajarlah dengan pemilihan teori yang dijadikan sebagai landasan kajian iaitu kritikan eko oleh William Howarth yang boleh digunakan untuk mengupas isu alam di dalam novel kajian. Tambahan pula, penggunaan kritikan eko William Howarth masih kurang diteliti oleh pengkaji di Malaysia.

METODOLOGI

Semasa pengumpulan data dilaksanakan, penelitian terhadap tajuk atau topik kajian telah dilaksanakan terlebih dahulu. Antara kaedah pengumpulan data yang digunakan adalah kaedah kepustakaan dan analisis teks. Kaedah kepustakaan dilaksanakan di dalam kajian ini terutamanya adalah untuk mendapatkan informasi dan data bantuan misalnya buku ilmiah, jurnal, artikel atau tesis. Bahan-bahan yang didapati kebanyakannya daripada Perpustakaan Tun Sri Lanang, dan Perpustakaan Institut Alam dan Tamadun Melayu (PATMA), Universiti Kebangsaan Malaysia untuk membantu pengkaji dalam penulisan sebagai sumber sokongan analisis. Kaedah analisis teks kajian adalah untuk mendapatkan data daripada bahan kajian untuk dianalisis. Analisis teks dilaksanakan menerusi pemilihan novel *Loagan Bunut* dan diaplikasikan dengan kritikan eko William Howarth. Di bawah kritikan eko William Howarth


terdapat empat prinsip yang boleh diaplikasikan dalam teks pilihan iaitu prinsip ekologi, etika, bahasa dan kritikan.

KRITIKAN EKO WILLIAM HOWARTH (1996)

Kritikan eko William Howarth dirangka adalah hasil daripada pengenalan terhadap teori ekologi oleh Urie Bronfenbrenner pada tahun 1979 dan pengkaji yang lain seperti Barry Lopez. Model ekologi manusia oleh Bronfenbrenner telah dipecahkan kepada ciri tertentu menerusi huraian konsep asas pendekatan ekologikal iaitu organisme, pendekatan dan saling bertindak di antara keduanya. Namun begitu, dalam penyelidikan ini akan menggunakan kritikan eko daripada William Howarth (1996) yang juga dinyatakan oleh beliau *“In reading Lopez and any other writer, I try to work within a set of informed, responsible principles, derived from four disciplines: ecology, ethics, language, and criticism. To me they offer combinations of theory and method explore environmental literature.”*

Berdasarkan penulisan beliau kritikan eko memerlukan pendekatan yang lebih inklusif, merentas disiplin dan mempunyai kaedah analisis teori yang mencakupi kepelbagaian isu unsur alam. Prinsip kritikan eko oleh William Howarth (1996) dipilih menerusi penulisan beliau *“Some Principles of Ecocriticism”* menyatakan *“as an interdisciplinary science, ecology describes the relations between nature and culture. The applied philosophy of ethics offers ways to mediate historic social conflicts. Language theory examines how words represent human and nonhuman life. Criticism judges the quality and integrity of works and promotes their dissemination. Each discipline stresses the relations of nature of literature as shifting, moving shapes- a house in progress, perhaps, unfinished and standing in a field.”* Menerusi pernyataan beliau, merupakan ringkasan kepada prinsip kepada kritikan eko ini. Prinsip ini turut saling berhubung di antara satu sama lain.

Rentetan itu, di dalam kajian ini akan menerapkan kerangka prinsip kritikan eko William Howarth (1996). Berdasarkan Rajah 1 menunjukkan empat prinsip yang dianjurkan oleh William Howarth. Kritikan eko tersebut bertunjangkan kepada empat prinsip iaitu prinsip ekologi, prinsip etika, prinsip bahasa dan prinsip kritikan. Misalnya, seperti rajah di bawah menunjukkan keempat-empat prinsip ini mempunyai perkaitan di antara satu sama lain serta saling melengkap bagi menganalisis sesebuah kajian.



RAJAH1. Prinsip-prinsip dalam Kritikan Eko William Howarth (1996)

Prinsip Ekologi

Prinsip kritikan eko William Howarth yang pertama iaitu ekologi. Howarth berpendapat bahawa alam semula jadi bukan sahaja berhubungan dengan manusia, namun turut berhubung dengan organisme lain. Di bahagian ekologi mempunyai banyak rangkuman dan salah satunya adalah ekologi manusia. Ekologi manusia ini akan meneliti mengenai ekosistem (unit asas yang wujud hasil daripada tindakan antara komponen hidup dengan bukan hidup) yang terjadi kesan daripada tindakan manusia.

Prinsip Etika

Prinsip kedua pula iaitu etika juga telah dibahas oleh Howarth dalam esainya. Etika yang dimaksudkan adalah sikap manusia terhadap alam sekitar. Etika dalam konteks kritikan eko dijelaskan dengan mengetengahkan konsep etika ekologi. Etika ekologi pula boleh dibahagikan kepada dua golongan iaitu pencinta alam daripada dua pergerakan yang dikenali sebagai pergerakan ekologi dangkal dan pergerakan ekologi mendalam. Pergerakan ekologi mendalam adalah sikap prihatin terhadap permasalahan alam sekitar dan mengajak masyarakat berganding bahu untuk memelihara persekitaran. Pergerakan ekologi mendalam pula berlawanan dengan pergerakan ekologi dangkal. Pergerakan ekologi dangkal adalah mempunyai sikap dan tindakan yang mengarah kepada kemusnahan alam sekitar hingga menimbulkan krisis yang membawa kepada musibah terhadap kesejahteraan manusia.

Prinsip Bahasa dan Kritikan

Prinsip seterusnya adalah prinsip bahasa dan kritikan. Prinsip bahasa dan prinsip kritikan mempunyai perkaitan antara satu sama lain dan boleh digabungkan. Howarth menyatakan bahawa bahasa adalah alat yang digunakan oleh pengarang untuk mengungkapkan mengenai kehidupan manusia dan bukan manusia tetapi dalam konteks kritikan eko. Kritikan pula adalah

penelitian dan penilaian antara kualiti hubungan antara bahasa dengan ekologi dan etika ekologi. Howarth juga berpendapat bahawa bahasa berkemampuan untuk menjalinkan hubungan di antara alam sekitar dan budaya atau lebih tepat antara ekologi dengan etika ekologi.

DAPATAN DAN PERBINCANGAN

Loagan Bunut merupakan karya yang kaya dengan unsur alam dan sarat dengan memberi kesedaran mengenai permasalahan dan pencemaran alam sekitar di kawasan Taman Negara Loagan Bunut. Dahiri Saini yang merupakan penulis Sarawak telah melahirkan pemikiran untuk menjaga kelestarian alam sekitar terutama di tanah leluhur bagi sesebuah masyarakat. Masyarakat yang dimaksudkan adalah masyarakat kaum Berawan, Penan, Iban dan sebagainya sememangnya merupakan penduduk asal di kawasan Loagan Bunut, Sarawak. Kepelbagaian budaya dan etnik menjadi faktor penting kepada penulis Sarawak menjadikannya sebagai sumber inspirasi semasa penghasilan karya mereka.

Setelah pembacaan dilaksanakan terhadap novel *Loagan Bunut*, ternyata kandungan teks adalah bertepatan dengan prinsip-prinsip yang digariskan oleh kritikan eko William Howarth (1996). Hal ini kerana, tema yang difokuskan dalam teks kajian kaya dengan unsur alam dan ternyata semua prinsip yang terdapat dalam kritikan eko William Howarth (1996) dapat diaplikasikan. Seajar dengan batasan kajian di atas menyatakan bahawa kajian ini akan membincangkan unsur alam flora, fauna dan air (sungai) sahaja menerusi peristiwa yang terdapat dalam teks kajian. Justeru, seiring dengan objektif kajian, maka ternyata teks kajian sarat dengan unsur alam dan semua prinsip iaitu prinsip ekologi, etika, bahasa dan kritikan adalah bersesuaian untuk diaplikasikan ke dalam teks kajian iaitu *Loagan Bunut*.

Ekologi: Permasalahan Alam Sekitar dalam *Loagan Bunut*

Kewujudan alam sekitar boleh memberikan ketenangan, ketenteraman malah mampu memberikan kesegaran jiwa terhadap manusia. Alam sekitar merupakan kata pinjam daripada Bahasa Perancis (*Environner*) yang membawa pemaknaan “meliputi”, iaitu segala yang terdapat di sekeliling manusia (Maharam Mamat, 2015). Oleh itu, dapat dirumuskan bahawa alam sekitar terdiri daripada unsur alam flora, fauna, cakerawala, sungai, laut dan kesemua unsur alam ini mempunyai sifat merangkumi dan menggabungkan antara satu sama lain.

Rentetan itu, ekologi yang dimaksudkan adalah kepentingan manusia melibatkan diri dalam segala perihal mengenai alam sekitar. Hal ini bermaksud kehidupan manusia dipengaruhi oleh alam sekitar pada masa yang sama manusia boleh memberi dampak terhadap alam sekitar. Oleh itu, analisis kajian berdasarkan teks kajian yang bakal dibincangkan adalah untuk memperlihatkan perhubungan manusia terhadap alam sekitar hingga melahirkan permasalahan kepada pelbagai perkara terutama kepada alam itu sendiri. Berdasarkan teks kajian iaitu telah memperlihatkan peristiwa mengenai penglibatan penduduk luar terhadap kampung Loagan Bunut hingga mengakibatkan pencemaran alam sekitar. Hal ini kerana mereka lebih mementingkan keuntungan berbanding menjaga tanah leluhur penduduk asal Loagan Bunut.

Perihal di bawah menyatakan bahawa watak Dewan iaitu daripada kaum Berawan merupakan anak lelaki kepada Ungkit menasihati bapanya untuk menerima segala pembangunan yang ingin dibina oleh Tuan D.O dan Tauke JR. Namun begitu, Ungkit menegakkan pendapatnya kepada anaknya bahawa apa yang bakal dibawa oleh mereka adalah kemusnahan terhadap tanah leluhur mereka di Loagan Bunut. Ungkit menyatakan bahawa orang luar yang hadir ke dalam Loagan Bunut telah menghancurkan ketenteraman hutan yang dahulunya dihuni oleh pelbagai binatang. Hutan tersebut seakan sunyi sejak munculnya orang

luar yang ingin meneroka dan berniat untuk membangunkan kawasan tersebut. Sungai yang ada di kawasan Loagan Bunut seperti Sungai Bunut, Sungai Tinjar, dan Sungai Teru dikatakan telah dibuang racun di muara sungai tersebut menyebabkan ikan-ikan tidak terjerat di *selambau* (seakan jala). Ungkit ingin menyampaikan pesanan kepada Dewan bahawa akibat daripada penerokaan daripada orang luar terhadap kawasan Loagan Bunut, sedikit sebanyak telah menyebabkan penduduk tempatan menerima tempias apabila sungai mereka telah tercemar dan sumber makanan mereka turut terkesan.

“Dan orang luar itu juga yang telah merampas ketenangan dan ketenteraman hutan ini yang dulunya dihuni segala binatang, tapi kini semua itu hilang dan mati, Dewan. Semuanya seperti kosong dan sunyi. Mereka seperti menabur racun secara senyap di muara sungai-sungai kita. Tentu kami tahukan? *Selambau* yang direntangkan di Sungai Bunut, Sungai Tinjar, dan Sungai Teru tak dirempuh sekerap dulu akibat seluang dan baung. Apa yang ada di dalam selambau itu hanya sisa sampah-sarap yang melekitkan. Sisa pencemaran yang sepatutnya tak berlaku di sini!” Dia seperti puas bila apa yang terbuku di hatinya dihambur keluar dari seluruh busaran hatinya. Dia mahu Dewan faham, mengapa dia beria-ia benar menolak apa saja yang berlaku di Loagan Bunut ini daripada proses pembangunan yang sudah pasti menidakkan serta melenyapkan ketenangan dan ketenteraman di sini. Ketenangan dan kedamaian hutan peninggalan leluhurnya selama ini yang harus dijaga daripada dimusnahkan.

(Dahiri Saini, 2018: 7-8)

Justeru, dari sudut ekologi dalam kritikan eko memperlihatkan bahawa sungai sebagai satu tonggak kepada ekosistem yang lain. Apabila terjadi kemusnahan terhadap sungai-sungai di Loagan Bunut, hal ini menjejaskan kehidupan manusia dan hidupan di hutan tersebut. Hal ini memperlihatkan sungai merupakan antara sumber terpenting dalam kehidupan alam sekitar dan ekosistem. Kehadiran sungai telah membawa kepentingan dan manfaat bukan sahaja kepada manusia malah kepada haiwan di dalamnya. Kebergantungan manusia terhadap sungai adalah kerana di dalamnya terdapat kepelbagaian ekosistem yang dijadikan sebagai sumber makanan manusia. Watak Ungkit menyatakan bahawa kebiasaannya apabila dia melemparkan selambau dan ditinggalkan selama beberapa hari pasti ikan seluang dan baung akan melekat di selambau. Namun kini hanya sampah-sarap yang melekat. Hal ini menyebabkan masyarakat di sekitar sungai terjejas apabila sumber makanan mereka telah berkurangan kerana pencemaran sungai yang berlaku. Pencemaran tersebut berlaku akibat daripada orang luar yang membuang racun secara senyap ke dalam sungai-sungai di Loagan Bunut.

“Dia tidak mahu nama baiknya selama ini terus tercemar, seperti tercemarnya arus Sungai Tinjar, Sungai Bunut, dan Sungai Teru yang berwarna coklat dan masam bersama sampah-sarap yang sebelum ini bersih dan jernih.”

(Dahiri Saini, 2018: 216)

Petikan di atas telah membuktikan bahawa sungai-sungai di Loagan Bunut telah tercemar hingga menghasilkan warna dan bau yang tidak menyenangkan. Di samping itu juga mempamerkan bahawa pengarang telah menggunakan kiasan iaitu dengan membandingkan nama baik manusia yang tercemar dengan sungai yang tercemar. Hal ini turut membuktikan bahawa hubungan yang akrab di antara manusia dengan alam kerana secara ekologinya manusia sememangnya bergantung kepada sungai yang juga merupakan sumber penting dalam

kehidupan manusia. Jika sesebuah sungai tercemar sememangnya mampu mengganggu ekosistem persekitarannya termasuklah terhadap kehidupan manusia.

Oleh itu, seiring dengan prinsip ekologi dalam kritikan eko yang menyatakan bahawa alam berhubung dengan organisme lain. Hal ini bermaksud sungai di Loagan Bunut mempunyai kaitan dengan haiwan dan manusia sekitarnya. Akibat daripada tindakan manusia yang tidak bertanggungjawab yang mencemarkan sungai di Loagan Bunut menyebabkan haiwan seperti ikan seluang dan baung tidak sebanyak seperti dahulu dan menjejaskan sumber makanan penduduk tempatan.

Etika Ekologi Dangkal dalam *Loagan Bunut*

Pemaknaan etika ekologi merupakan sikap manusia terhadap alam sekitar sama ada sikap yang positif mahupun negatif. Etika ekologi pada permulaannya merupakan sistem nilai manusia dalam sesebuah masyarakat dan berkait langsung dengan perlakuan moral. Etika ekologi dangkal merupakan perbuatan manusia yang seakan memusnahkan ekologi di persekitaran manusia. Etika ekologi dangkal yang juga digelar sebagai *shallow ecological movement* merupakan satu tindakan yang memberi kemusnahan alam sekitar dan secara tidak langsung membawa kemudaratan dan musibah kepada manusia. Etika ini jika dilihat dari sudut kritikan eko William Howarth adalah seseorang yang merupakan kapitalisme lebih mementingkan material dan keuntungan peribadi. Hal ini di mana golongan yang mengamalkan etika ekologi dangkal akan menggunakan alam sebagai lubuk emas yang boleh membawa keuntungan wang ringgit semata-mata tanpa ada empati terhadap alam sekitar.

Berdasarkan petikan-petikan di bawah memaparkan unsur alam flora yang telah dijadikan mangsa kepada ketamakkan manusia. Pengarang cuba menyampaikan kepada khalayak mengenai sikap manusia sendiri yang telah memusnahkan alam sekitar. Hal ini secara tidak langsung memaparkan etika ekologi dangkal digunakan dalam analisis ini. Menurut Mohd Saberi Muda dan Mas Rynna Wati Ahmad (2019: 29) menyatakan alam merupakan sebahagian daripada kehidupan seniman lantaran fungsi alam yang membekalkan pelbagai rangsangan, motivasi, cetusan ilham sebagai asas dalam penghasilan karya mereka. Justeru, kajian ini akan memperlihatkan kealpaan manusia terhadap alam sekitar sebagai satu pengajaran kepada khalayak untuk menghargai alam.

“Aku mahu kamu semua bersihkan kawasan ini sebelum bulan depan...Hutan sebelah hilir Loagan Bunut yang pada mulanya lengang kini digaumi suara angkuh beberapa buah gergasi besi berwarna kuning yang agam dengan gigi-gigi besinya yang terus membungkam tanah sekitar dengan sekali ragutan sahaja. Hutan yang sebelum ini damai, dibingiti terus dengan ngauman gergasi besi tersebut yang patuh dengan arahan gerakan tangan pemandunya.

(Dahiri Saini, 2018: 286)

Manusia yang beretika ekologi dangkal akan terus mengganas terhadap alam dengan meneroka ruang yang masih hijau dan bersih. Berdasarkan petikan tersebut memaparkan terdapat watak orang suruhan Tuan D.O dan Tauke J.R yang disuruh untuk melakukan membersihkan hutan atau pembalakan di sebuah kawasan dalam Loagan Bunut. Petikan tersebut memaparkan penggunaan jentera jentolak yang berfungsi untuk menumbangkan pokok-pokok di hutan Loagan Bunut. Oleh itu, memperlihatkan ketamakkan manusia hingga sanggup menggadaikan alam sekitar yang harganya tidak ternilai demi keuntungan tanpa memikirkan kesan yang bakal terjadi.

“Ni tak boleh jadi. Kami tak mahu hutan tempat kami mencari kehidupan lenyap di Loagan Bunut ni,” tempiknya, seraya matanya mengecil apabila sebuah gergasi besi berwarna kuning itu menumbangkan sebatang pokok meranti. Terbongkar akar dan banirnya menggegarkan tempatnya berdiri. Uping memerhati sekeliling dengan dengusan yang bergumam dalam dirinya. Dia seperti bermimpi, apabila hutan tempatnya memasang jeratnya selama ini dicerobohi. Hutan yang banyak memberi kehidupannya lenyap dalam sekelip mata.”

(Dahiri Saini, 2018: 287)

Berdasarkan petikan di atas memaparkan watak Uping merupakan penduduk asal Loagan Bunut yang merupakan kaum Iban. Uping berasa terkejut dengan apa yang terjadi di depan matanya. Dia melihat aktiviti pembalakan di hadapan matanya iaitu apabila pokok meranti telah ditumbangkan. Pokok meranti merupakan pokok yang mempunyai nilai yang tinggi kerana bersifat kuat, kukuh dan memakan masa untuk tumbuh. Justeru, pembalok sering menjadikan pokok meranti sebagai target dalam aktiviti pembalakan kerana membawa keuntungan kepada mereka. Justeru, hal ini memaparkan etika ekologi dangkal yang dilaksanakan oleh pembalok apabila mereka beretika cetek dengan memusnahkan sumber alam. Etika ini juga membuktikan mereka pengabaian terhadap alam sekitar yang juga boleh dikaitkan dengan kapitalisme iaitu mementingkan keuntungan semata-mata demi wang ringgit.

Etika Ekologi Mendalam dalam *Loagan Bunut*

Etika ekologi mendalam adalah sama pemaknaannya kepada *deep ecological movement*. Etika ekologi mendalam adalah berlawanan dengan etika ekologi dangkal. Hal ini kerana etika ini lebih mementingkan nilai-nilai murni dalam masyarakat terhadap alam sekitar yang amat berbeza dengan fahaman etika ekologi dangkal. Neil Evernden (1996: 102) menyatakan bahawa *deep ecological movement* ialah:

The ‘deep ecological movement’, the one that concerns itself with the underlying roots of the environment crisis rather than simply its physical manifestation, demands the involvement of the arts and humanities.

Berdasarkan Evernden yang membahaskan mengenai *deep ecological movement* seperti petikan di atas adalah hasil daripada musibah dan permasalahan alam sekitar yang berlaku telah menyebabkan masyarakat termasuk budayawan dan sasterawan berganding bahu untuk memainkan peranan terhadap penjagaan alam sekitar. Etika ini akan memaparkan sikap positif terhadap alam sekitar sekaligus akan melindungi kesejahteraan alam dan manusia sejagat. Justeru, berdasarkan petikan di bawah dapat memperlihatkan watak Ungkit terimbau akan nasihat yang pernah didengarinya mengenai tugas kaum Berawan untuk memelihara Loagan Bunut daripada dinodai arus pembangunan.

“Tanah hutan Loagan Bunut harus dijaga daripada dinodai arus pembangunan, Ungkit. Sebagai warisan Berawan tempat ini harus seperti sediakala dan tanpa pencerobahan. Dan kedamaian dan ketenangan di sini harus dipertahankan, Ungkit.” Kalimat itu terus mengujanya. Kalimat yang tidak mungkin lenyap begitu saja tanpa perjuangan untuk menjaga keaslian warisan yang tidak ternilai itu.”

(Dahiri Saini, 2018: 10)

Berdasarkan petikan di atas memperlihatkan bahawa watak Ungkit terimbau nasihat yang pernah diterimanya dan beliau menyatakan nasihat itu merupakan tunjang utama kepada perjuangannya dalam mempertahankan tanah Loagan Bunut daripada menjadi habuan orang luar seperti Tauke J.R dan Tuan D.O. Ungkit merupakan wakil daripada kaum Berawan berasa bertanggungjawab dan bersemangat untuk menjaga tanah leluhurnya daripada dicerobohi. Justeru, nasihat tersebut adalah seperti ajakan pengarang kepada pembaca dan khalayak untuk menjaga dan memelihara alam sekitar. Di samping itu, nasihat tersebut juga seakan menyuntik semangat kepada masyarakat untuk tekad dalam mempertahankan tanah nenek moyang mereka daripada dieksploitasi daripada orang luar. Oleh itu, hal ini memperlihatkan etika ekologi mendalam yang digunakan dalam teks *Loagan Bunut* ini secara tidak langsung menyeru masyarakat untuk memelihara alam sekitar. Interaksi yang harmoni dengan alam terhasil daripada pemikiran yang beretika dan diterjemahkan melalui sikap dan tingkah laku (Miskahuddin, 2019; Okti, Reynatania, Zulfa Azza & Inayatul, 2020).

“Di dalam bangunannya dihiasi pelbagai hiasan tradisi suku kaum Berawan, Penan dan Iban. Jika tuan masuk melalui pintu utama tuan akan menuju sebuah pejabat tertera nama Seluna Ungkit dan Malaie Lakei sebagai Pengarah Syarikat. Seramai dua puluh orang yang bekerja di bawah seliaan mereka berdua. Sementara Ulin ditugaskan sebagai Pengurus Bahagian Perhutanan yang melibatkan pemulihan alam semula jadi di Loagan Bunut yang menjaga serta memantau kitaran flora dan fauna yang hampir pupus dan terbiar.”

(Dahiri Saini, 2018: 316)

Petikan di atas memaparkan mengenai sikap masyarakat di Loagan Bunut iaitu terdiri daripada watak Seluna, Malaie dan Ulin berganding bahu dalam memulihara kawasan Loagan Bunut serta membuat pemantauan agar kejadian terdahulu seperti pencemaran, pembalakan haram dan penerokaan hutan secara haram tidak kembali berulang. Mereka beretika secara progresif dengan menubuhkan organisasi yang sistematik bagi memastikan Loagan Bunut menjadi kawasan pelancongan dan menjadi tumpuan daripada masyarakat luar. Kekayaan hasil hutan di dalam Loagan Bunut sememangnya dimanfaatkan sepenuhnya iaitu Destinasi Holdings telah meletakkan papan tanda nama pada setiap flora yang unik sebagai maklumat kepada pengunjung di Loagan Bunut. Hal ini membuktikan bahawa watak Malaie, Seluna dan Ulin beretika mendalam dalam memastikan masyarakat sekitar mendapat manfaat bersama daripada pemuliharaan alam yang mereka lakukan.

Bahasa dan Kritikan: Permasalahan dalam *Loagan Bunut*

Howarth menyatakan bahawa kritikan eko amat menitikberatkan mengenai aspek penilaian karya sastera menerusi bahasa yang digunakan oleh pengarang. Menerusi penggunaan bahasa dan gaya bahasa yang sesuai, aspek ekologi dan etika ekologi pasti dapat dikaitkan dengan indah dan mampu memberi impak kepada pembaca dan khalayak. Zurinah Hassan (2010) menyatakan bahawa “seniman yang halus perasaannya sangat rapat hubungannya dengan alam sekitar. Hal ini kerana, mereka beranggapan alam itu hidup manakala tumbuh-tumbuhan, batu-batu dan bunga-bunga ialah makhluk bernyawa”. Justeru, seiring dengan Dahiri Saini merupakan seorang pengarang yang mempunyai kekuatan yang luar biasa dalam menggunakan kata-kata yang bersahaja, dan secara tidak langsung menulis mengenai persekitarannya iaitu alam di hutan Sarawak dalam pembikinan karya-karyanya. Justeru, Dahiri Saini telah menulis satu peristiwa di dalam teks *Loagan Bunut* mengenai penggunaan unsur alam fauna yang

digunakan dalam pembinaan teks sebagai simbol amaran bagi sesebuah kaum untuk lebih berjaga-jaga.

“Kedengaran kicauan burung dan kumpulan kera serta lotong mengejutkan mereka. Drusai tidak melepaskan peluang untuk merakamkan gelagat apa saja yang melintas atau yang lalu di hadapannya terus mengklikkan kameranya. Ulin yang menyedari apa yang dibuat Drusai, hanya menoleh sekejap dan meneruskan semula langkahnya dalam kelebatan hutan hujan. Sese kali dia melihat ilang yang tersangkut di pinggangnya, seraya mengusap dengan tangannya.”

(Dahiri Saini, 2018: 255)

Petikan di atas menjelaskan mengenai unsur alam fauna yang terdiri daripada burung, kera, dan lotong. Watak Drusai yang merupakan kacukan kaum Penan dan Iban namun dibesarkan di bandar telah menjelajah hutan di Loagan Bunur bersama Ulin yang merupakan anak lelaki jati Loagan Bunur dari suku kaum Iban. Oleh itu, watak Ulin yang peka dengan unsur-unsur alam yang berinteraksi sesama sendiri seperti kicauan burung seakan memberi petanda dan menjadi simbol amaran. Hal ini membuatkan watak Ulin memegang ilangnya (parang) atas segala bahaya yang bakal mendatang semasa mereka mengembara di dalam hutan tersebut.

Masyarakat Iban mempunyai kepercayaan mengenai kicauan dan burung berterbangan memberi petanda buruk dan memberi amaran kepada manusia. Apabila bunyi dan lintasan burung-burung tertentu memberi petanda dewa orang Iban yang paling berkuasa iaitu Singalang Burong akan memberi petanda dan ramalan yang dibawa oleh haiwan tersebut. Ketakutan terhadap alam yang menghantui masyarakat pribumi telah mendorong mereka bertindak secara bertertib dan menghormati alam sekeliling (Maharam Mamat, 2015). Petanda baik dan buruk yang dibawa oleh burung tersebut sememangnya dibuktikan oleh petikan di atas apabila mereka mendengar kicauan burung, Ulin yang merupakan anak jati suku Iban merasai sebuah perkara buruk bakal berlaku lalu memastikan langkahnya penuh tertib dan berhati-hati seperti petikan di bawah.

“Langkah mereka terhenti, apabila mereka terserempak dengan beberapa orang yang menyusup ke dalam hutan tebal tidak jauh dari mereka. Ulin menyuruh Drusai menghendap untuk menyembunyikan dirinya, kerana dia akan khuatir jika kelibat orang yang dilihat mereka tadi orang-orang suruhan Tauke J.R yang dalam operasi mereka, pasti menjebakkan mereka dalam masalah. Sebelum ini pun, mereka mendengar bahawa Tauke J.R juga terlibat dengan kemasukan pendatang asing melalui jalan hutan yang bersebelahan dengan sempadan hilir Loagan Bunur”

(Dahiri Saini, 2018: 256)

Petikan di atas merupakan sambungan daripada petikan pertama apabila Ulin yang mendengar kicauan burung yang merupakan simbol amaran akan bahaya yang mereka akan hadapi. Hal ini dibuktikan apabila mereka telah menjumpai jalan tikus pendatang haram yang di dalam hutan dan ditangkap oleh anak buah Tauke J.R. Maka, jelaslah manusia dan unsur alam fauna seperti burung saling berkaitan kerana tempat tinggal mereka (masyarakat Iban) adalah sama dan hidup bersama dalam waktu panjang hingga burung tersebut mampu menjadi perlambangan kepada sesebuah perkara dan menjadi kepercayaan suku kaum Iban. Sejarar dengan Siti Dahlia Abdullah (2021) menyatakan bahawa manusia menggunakan alam sebagai penanda untuk melihat sesuatu keadaan termasuk waktu, cuaca dan bekas laluan binatang. Hal ini secara tidak langsung memaparkan kepakaran pengarang dalam menggunakan bahasa perlambangan unsur fauna sebagai simbol seiring dengan apa yang digariskan oleh kritikan

eko. Justeru, dengan penggunaan diksi yang berunsurkan alam, maka, khalayak dapat memahami bahawa masyarakat Iban masih berpegang teguh dengan kepercayaan nenek-moyang mereka mengenai simbol kicauan burung adalah satu amaran semasa berada di dalam hutan belantara. Seajar dengan Diaul Khaerah (2018: 1) menyatakan bahawa pemilihan diksi seperti pepohon, sungai, air, ombak dan sebagainya dalam karya sastera membuktikan pemanfaatan unsur alam oleh pengarang. Oleh itu, terbukti bahawa pengarang bijak menggunakan persekitaran alam sebagai medium interaksi, dan interpretasi kepada khalayak.

KESIMPULAN

Secara kesimpulannya, unsur alam seperti flora, fauna, dan air di dalam teks kajian iaitu *Loagan Bunut* telah diteliti bersama kritikan eko William Howarth. Kesemua prinsip seperti ekologi, etika, bahasa dan kritikan telah diteliti bersama teks kajian mendapati bahawa pengarang telah menggunakan diksi flora seperti pokok merbau, fauna seperti burung dan air sungai untuk menyampaikan pemikirannya mengenai kebergantungan manusia terhadap alam. Oleh itu, terbukti dengan menggunakan pendekatan kritikan eko William Howarth mampu memaparkan teks kajian sarat dengan unsur alam seajar mampu mengisi kelompangan kajian iaitu berkenaan terdapat kekurangan kajian mengenai unsur alam terutama dalam genre sastera moden di Malaysia.

Di samping itu juga, dengan menggunakan kritikan eko mampu mencapai objektif kajian iaitu unsur alam yang ditemui di dalam novel ini ialah unsur alam seperti fauna, flora, air (sungai) dan sebagainya. Selain itu, hasil daripada analisis teks dijalankan telah menemukan bahawa dengan pengaplikasian pendekatan ini terhadap novel kajian sememangnya telah memaparkan semua prinsip telah digunakan keseluruhannya. Hasil perbincangan mendapati bahawa di dalam novel *Loagan Bunut* mempunyai masyarakat yang mempunyai etika dangkal dan etika mendalam. Di samping itu, turut memaparkan bahawa ekologi di dalam novel *Loagan Bunut* diperlihatkan dengan pemaparan peristiwa mengenai kebergantungan manusia di Laogan Bunut dengan alam. Seterusnya, penggunaan bahasa yang indah iaitu perlambangan telah memaparkan kearifan pengarang dalam menghasilkan karya hingga membuahkan kritikan mengenai masyarakat Loagan Bunut yang tidak pernah dititikberatkan oleh khalayak. Hal ini secara tidak langsung membuktikan bahawa objektif kajian telah tercapai kerana unsur alam dalam novel kajian telah dikenalpasti dan novel kajian juga dianalisis dengan penggunaan kritikan eko William Howarth. Hal ini secara tidak langsung permasalahan kajian iaitu mengenai kekurangan kajian mengenai unsur alam terutama dalam genre sastera moden juga dapat diisi kelompangannya.

Ternyata, unsur alam yang disampaikan menerusi teks sastera memberi dampak yang besar kerana khalayak lebih menghayati pengajaran yang diberikan oleh pengarang. Kekuasaan pengarang merupakan suatu hal yang positif dalam mewujudkan sebuah karya kesusasteraan bertaraf tinggi (S.M. Zakir, 2014). Hal ini memaparkan kekayaan unsur alam yang terdapat dalam teks kajian mampu menghasilkan karya yang berkualiti dan membuktikan adanya kajian yang mendasari kajian mengenai unsur alam terutama dalam teks sastera moden. Selain itu, kritikan eko juga memaparkan ketamakan manusia membawa kemusnahan alam membawa pengarang menyuntik semangat masyarakat untuk menjaga alam sekitar demi masa kelestarian alam yang sejahtera pada masa akan datang.

RUJUKAN

- Dahiri Saini. 2018. *Loagan Bunut*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Diaul Khaerah. 2018. Ekokritik Sastra Pada Novel Rahasia Pelangi Karya Riawani Elyta dan Sabrina Ws. Tesis Sarjana Pendidikan, Universitas Muhammadiyah Makassar.
- Ensiklopedia Dunia*. 2005. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Ensiklopedia Sains*. 1979. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Geeta Sahu. 2014. Ecocritism-Understanding the relationship between literature and environment in Indian English literature. *Sai Om Journal of Arts & Education*. 1(1), 23-26.
- Jeffrey, R. D. A. A., & Subet, M.F. 2018. Unsur Alam Dalam Peribahasa Iban (Jaku' Sempama): Satu Analisis Semantik Inklusif (Elements of Nature in Iban Proverbs (Jaku'Sempama): An Inquisitive Semantics Analysis). *Trends in Undergraduate Research*. 1(1), 10-15.
- Maharam Mamat. 2015. Alam Sekitar dalam Novel-Novel Penulis Sarawak: Analisis Kritikan Eko. Ph.D thesis, Universiti Malaya.
- Maharam Mamat. 2015. Etika Alam Sekitar dalam Novel Jong Chian Lai dari Perspektif Peribumi. *Jurnal Melayu*, 14(2), 171-189.
- Maharam Mamat. 2015. Isu-isu Alam Sekitar Dalam sastera: Analisis Novel Ramlee Awang Mursid. *Jurnal Pengajian Melayu*, 15, 86-120.
- Miskahuddin. 2019. Manusia dan Lingkungan Hidup Dalam Al-Qur'an. *Al-Mu'ashirah*. 2(16), 210-227.
- Mohd Razaimi Hamat & Mohd Yuszaidy Mohd Yusoff. 2020. Motif Alam Flora dalam Seni Ukiran Logam Halus Kelantan. *Jurnal Melayu*. 19(1), 35-53.
- Mohd Saberi Muda & Mas Rynna Wati Ahmad. 2019. Eko-kritik dalam Puisi Melayu. *Akademika*. 89, 29-39.
- Mohd Saberi Muda & Mas Rynna Wati Ahmad. 2021. Kritikan eko Puisi Pilihan Malaysia dan Indonesia. *Malaysian Journal of Social Sciences and Humanities*. 6(10), 121-13.
- Neil Everndern. 1996. Beyond Ecology. In C. Glotfelty & H. Fromm (Ed.). *The Ecocriticism Reader: Landmarks in Literary Ecology* Athens & London: The University of Georgia Press, pp. 92-104.
- Nor Ilani Awang Omar. 2010. Unsur alam dalam pantun Melayu. Tesis Sarjana Muda, Universiti Malaysia Kelantan.
- Okti Ayu Lestari, Reynatania Meydiana Sahara, Zulfa Azza Ardhini & Inayatul Chusna. 2020. Mitos dan Kritik Lingkungan Dalam Film Aquaman (2018), *Buletin Al-Turas*. 26(1), 85-101.
- S.M. Zakir. 2014. Karya dan Kekuasaan Pengarang: Pemikiran dan Gaya Naratif Mutakhir Anwar Ridhwan. *Jurnal Melayu*. 12(1), 70-81.
- Siti Dahlia Abdullah. 2021. "Alam Terbentang Dijadikan Guru" Peranan Alam dalam Novel Cebisan Mantera Terakhir Karya Hasanuddin Md. Isa. Dlm. Wiyatmi, M. Hum, Novita Dewi, M.S, Mawar Safei. (Peny.). *Sastra Hijau di Indonesia dan Malaysia dalam Kajian Ekokritik dan Ekofeminis*. Yogyakarta: Cantrik Pustaka, hlm. 287-305
- William Howarth. 1996. Some Principles of ecocritism. In C. Glotfelty & H. Fromm, (Ed.). *The Ecocriticism Reader: Landmarks in Literary Ecology*. Athens & London: The University of Georgia Press, pp.69-91.
- Zurinah Hassan. 2008. Puisi Melayu Moden: Kajian Teori Pengkaedahan Melayu. PhD Thesis, Universiti Malaya.
- Zurinah Hassan. 2010. *Unsur alam dan puisi Melayu*. Bangi: Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia.

Biodata Penulis:

Nurul Aina Ibrahim merupakan pelajar Sarjana Kesusasteraan Melayu di Pusat Kajian, Bahasa, Kesusasteraan dan Kebudayaan Melayu, Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan, Universiti Kebangsaan Malaysia.

Mas Rynna Wati Ahmad (PhD) merupakan pensyarah kanan di Pusat Kajian, Bahasa, Kesusasteraan dan Kebudayaan Melayu, Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan, Universiti Kebangsaan Malaysia. Bidang pengkhususan beliau ialah teori, falsafah dan kritikan sastera.